

## ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
Surat penyerahan Rancangan Perniagaan	i
Penghargaan	iii
Surat Pinjaman Bank	iv
Laporan Rancangan Perniagaan	v
Mukadimah	1
Ringkasan Rancangan Perniagaan	2
Pengenalan	4
Tujuan Rancangan Perniagaan	5
Logo Syarikat dan Keterangan	6
Latar Belakang Perniagaan	9
Latar Belakang Ahli Kongsi	10
Surat Ikatan Perjanjian Perkongsian	15
Lokasi Tapak Perniagaan	18
RANCANGAN PENTADBIRAN	19
RANCANGAN PEMASARAN	34
RANCANGAN OPERASI	54
RANCANGAN KEWANGAN	71
LAMPIRAN	

## **RINGKASAN RANCANGAN PERNIAGAAN**

### **Pengenalan**

MS Enterprise ditubuhkan oleh 5 orang bumiputera. Perniagaan ini adalah berbentuk perkongsian. Kami memilih bentuk perniagaan ini berdasarkan kepada modalnya yang sederhana disamping masa depannya yang mempunyai potensi. Ini adalah kali pertama kami menceburi bidang perniagaan ini.

MS Enterprise akan mula beroperasi pada 1 Januari 2000 di Jitra, Kedah.

### **Aspek Pentadbiran.**

Aspek pentadbiran meliputi kedudukan pengurus dalam syarikat kami yang terdiri daripada Pengurus Besar, Pengurus Pentadbiran, Pengurus Kewangan, Pengurus Operasi dan Pengurus Pemasaran. Struktur organisasi ini adalah mengikut sistem fungsian. Sistem ini tidak memerlukan kos yang tinggi serta memudahkan pengurusan. Kesemua pejabat terletak di pekan Jitra.

### **Aspek Pemasaran.**

Saiz pasaran kami adalah meliputi negeri-negeri di utara Semenanjung Malaysia iaitu Kedah, Pulau Pinang dan Perlis. Golongan sasaran adalah semua peringkat umur dan pelbagai bangsa. Berdasarkan ramalan kami yakin saiz pasaran kami dapat diperkembangkan di masa-masa akan datang.

### **Aspek Operasi.**

Perniagaan kami menitik-beratkan soal operasi kerana proses menghasilkan cendawan memerlukan kerja-kerja yang terperinci. Kami juga menggunakan tenaga kerja yang berpengalaman. Masa operasi adalah berdasarkan keluaran semusim. Kami yakin

pihak operasi kami mampu menghasilkan cendawan yang bermutu tinggi dan dapat memenuhi pasaran masa kini.

### **Aspek Kewangan**

Modal permulaan kami adalah RM 305,928.50 iaitu setiap rakan kongsi menyumbangkan RM 15,185.70. Kami meletakkan sasaran keuntungan berdasarkan kemampuan yang dimiliki oleh syarikat kami disamping kos yang minima.

## **PENGENALAN**

MS Enterprise ialah sebuah perniagaan perkongsian yang terdiri daripada lima orang rakan kongsi. Jenis perniagaan yang ditawarkan ialah mengusahakan tanaman cendawan secara komersial. Cendawan yang diusahakan adalah jenis tiram kelabu.

MS Enterprise akan mula beroperasi pada 1 Januari 2000 dan akan diusahakan di ladang cendawan di Bukit Wang.

Pada peringkat awal, tumpuan pasaran kami adalah di Utara Semenanjung Malaysia iaitu di negeri Perlis, Penang dan Kedah. Ini adalah kerana untuk memudahkan proses pemasaran. Kami akan sedaya upaya mengeluarkan hasil yang bermutu untuk bersaing dengan pengeluar yang sedia ada. Disamping dapat memenuhi keperluan pengguna dengan harga yang berpatutan.

Seterusnya syarikat kami akan melebarkan sayap setelah saiz pasaran bertambah luas iaitu dengan penambahan penGgemar cendawan.

## TUJUAN RANCANGAN PERNIAGAAN

- ⌘ Tujuan Rancangan Perniagaan ini disediakan adalah untuk memenuhi keperluan matapelajaran Asas Keusahawanan (ETR 300) yang merupakan matapelajaran wajib bagi pelajar-pelajar Semester 05 Universiti Teknologi MARA yang sedang mengikuti kursus peringkat diploma.
- ⌘ Rancangan Perniagaan ini disediakan sebagai garis panduan, tunjuk ajar serta rujukan bagi menguruskan perniagaan untuk beroperasi dengan lebih berkesan dan sistematik.
- ⌘ Sebuah Rancangan Perniagaan yang terperinci dan berpotensi akan dapat menarik minat usahawan-usahawan untuk menubuhkan perniagaan.
- ⌘ Rancangan Perniagaan ini disediakan untuk meyakinkan institusi kewangan untuk membuat permohonan pinjaman. Selain itu ia juga dapat menarik minat pelabur-pelabur, pembekal dan agensi-agensi kewangan untuk membiayai perniagaan.
- ⌘ Rancangan Perniagaan ini akan dapat membantu para pengusaha untuk menentukan jenis perniagaan yang bakal diceburi samada ianya berjaya atau tidak.